

Akta Perkhidmatan Parlimen 2025: Reformasi dalam Institusi Parlimen Malaysia

*The Parliamentary Services Act 2025:
Institutional Reform in the Malaysian Parliament*

*Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman**

Abstrak

Kajian ini membincangkan perkembangan dan reformasi institusi Parlimen Malaysia melalui penggubalan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 (Akta 869). Parlimen sebagai badan legislatif tertinggi berperanan melaksanakan fungsi penggubalan undang-undang, semak imbang dan akauntabiliti terhadap eksekutif dalam kerangka demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Sejarah penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 dan pemansuannya pada tahun 1992 menunjukkan keterbatasan autonomi Parlimen dalam aspek pentadbiran, kewangan dan sumber manusia. Melalui kaedah analisis dokumen undang-undang serta rujukan kepada laporan antarabangsa seperti *The Financing and Administration of Parliament* oleh *Commonwealth Parliamentary Association* (CPA), perbincangan ini meneliti rasional, objektif dan implikasi penggubalan semula akta tersebut. Penemuan utama menunjukkan bahawa Akta 869 memperuntukkan penubuhan Majlis Perkhidmatan Parlimen (MPP) sebagai badan pentadbiran tertinggi yang memberi kuasa autonomi kepada Parlimen dalam pengurusan operasi, kewangan dan perjawatan, sekali gus memperkukuh prinsip pengasingan kuasa. Reformasi ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan profesionalisme perkhidmatan Parlimen, tetapi juga memperkukuh kredibiliti institusi legislatif di peringkat nasional dan antarabangsa. Akhirnya, Akta 869 dilihat sebagai tonggak penting dalam memperkasa demokrasi Malaysia ke arah sistem perundangan yang lebih bebas, telus dan berintegriti. "

Kata Kunci: Parlimen Malaysia, Reformasi Institusi, Akta Perkhidmatan Parlimen 2025, Autonomi Parlimen, Demokrasi Berparlimen

* Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman is the Chief Administrator of the Parliament of Malaysia.

Abstracts

This study examines the development and institutional reform of the Malaysian Parliament through the enactment of the Parliamentary Services Act 2025 (Act 869). As the supreme legislative body, Parliament plays a vital role in law-making, oversight, and holding the executive accountable within the framework of parliamentary democracy and constitutional monarchy. The history of the Parliamentary Services Act 1963 and its repeal in 1992 revealed significant limitations on Parliament's autonomy in administration, finance, and human resource management. Using legal document analysis and reference to international reports such as The Financing and Administration of Parliament by the Commonwealth Parliamentary Association (CPA), this discussion explores the rationale, objectives, and implications of reintroducing the Act. The key finding highlights that Act 869 establishes the Parliamentary Services Council (Majlis Perkhidmatan Parlimen, MPP) as the highest administrative authority, granting Parliament autonomy over operations, financial planning, and staffing, thereby reinforcing the principle of separation of powers. This reform not only enhances the efficiency and professionalism of parliamentary services but also strengthens the credibility of the legislature at both national and international levels. Ultimately, Act 869 represents a significant milestone in consolidating Malaysia's democracy towards a more independent, transparent, and accountable parliamentary system.

Keywords: *Malaysian Parliament, Institutional Reform, Parliamentary Services Act 2025, Parliamentary Autonomy, Parliamentary Democracy*

Pengenalan

Parlimen Malaysia merupakan badan perundangan tertinggi Persekutuan dalam sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara ini. Pemerintahan Kerajaan Malaysia terdiri daripada tiga badan utama iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman. Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama negara memperuntukkan kuasa bagi perundangan kepada Parlimen, kuasa Eksekutif sebagai pelaksana manakala bidang kuasa yang diberikan ke Mahkamah adalah untuk mentafsirkan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Sebagai institusi yang tertinggi mewakili suara rakyat, Parlimen berfungsi sebagai badan yang meluluskan undang-undang serta menjalankan fungsi semak imbang dan akauntabiliti Eksekutif bagi menjamin dasar yang diluluskan, dilaksanakan dengan telus, responsif,

efisien dan berkesan. Justeru, Parlimen memerlukan sistem tadbir urus dan kewangan yang bebas serta berwibawa agar dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan demi kemakmuran dan pembangunan negara.

Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 (Akta 395)

Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 (Akta 395) telah diluluskan untuk memberikan autonomi kepada Parlimen dalam hal ehwal pentadbiran, kewangan dan pengurusan sumber manusia.¹ Akta yang mula berkuat kuasa pada tahun 1984, telah memperuntukkan tentang penubuhan Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen, penetapan syarat perkhidmatan kakitangan Parlimen, pemberian kuasa kepada Parlimen dalam menggubal peraturan subsidiari yang berkaitan dengan pengurusan institusinya.

Namun, akta ini telah dimansuhkan pada tahun 1992 melalui pindaan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 (Akta 837)² yang berkuat kuasa pada 20 November 1993, dengan mengambil kira penambahbaikan tata kelola pada masa tersebut. Sejak pemansuhan akta tersebut, segala urusan perjawatan, pelantikan, dan perbelanjaan terletak di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), dan Kementerian Kewangan manakala autonomi Parlimen dalam mengurus urusan pentadbiran dan kewangan adalah terhad.

Perbincangan

Menyedari kepentingan untuk memperkukuhkan Parlimen sebagai institusi perundangan negara dan selaras dengan perkembangan demokrasi yang progresif, langkah-langkah penambahbaikan struktur pentadbiran dan rangka kerja perundangan berkenaan pentadbiran serta urusan kewangan Parlimen telah dirancang. Langkah ini juga selari dengan amalan terbaik (best practices) serta tanda aras Parlimen Komanwel seperti yang dinyatakan di dalam **Laporan Commonwealth Parliamentary Association (CPA) bertajuk *The Financing and Administration of Parliament, November 2005***.³

1 Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 (Akta 395).

2 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 (Akta 837).

3 Commonwealth Parliamentary Association, *The Financing and Administration of Parliament (Study Group Report, Commonwealth Parliamentary Association 2005)* <https://www.cpahq.org/media/awydqld2/administration-and-financing-of-parliament-study-group-report-1.pdf>. diakses pada 30 Ogos 2025.

Laporan ini menggariskan beberapa langkah yang perlu diambil untuk memastikan kebebasan serta integriti parlimen terpelihara, termasuk aspek tata urus yang baik, kebebasan kewangan, kecekapan dan tahap profesionalisme perkhidmatan parlimen, serta kebertanggungjawaban kepada rakyat.

Usaha mengembalikan autonomi parlimen telah bermula sejak tahun 2015 oleh Tan Sri Pandikar Amin Mulia dan diikuti Tan Sri Mohamed Ariff Md Yusof serta Tan Sri Azhar Harun bersama Tan Sri Rais Yatim dan YB Tan Sri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

Pada tahun 2023, dengan usaha gigih YB Tan Sri (Dr.) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat serta komitmen dan sokongan YAB Perdana Menteri, Akta Perkhidmatan Parlimen telah digubal selaras dengan inspirasi Kerajaan Madani yang menekankan reformasi institusi ke arah kerajaan yang telus, cekap dan berintegriti. Reformasi Parlimen ini penting untuk menegakkan doktrin pengasingan kuasa antara badan perundangan dan eksekutif. Ia bukan sekadar instrumen pentadbiran, tetapi juga merupakan satu langkah signifikan ke arah menginstitusikan demokrasi berparlimen yang matang dan progresif di Malaysia.

Parlimen telah melakar sejarah meluluskan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 (Akta 869) pada 5 Mac 2025 di Dewan Rakyat dan 20 Mac 2025 di Dewan Negara, yang kemudiannya diwartakan pada 18 Julai 2025. Akta Perkhidmatan Parlimen ialah asas penting reformasi institusi yang memastikan Parlimen berfungsi secara bebas, adil dan cekap. Akta 869 memperuntukkan Majlis Perkhidmatan Parlimen (MPP) sebagai badan pentadbiran tertinggi Parlimen yang mempunyai bidang kuasa untuk mengawal operasi Parlimen, menetapkan dasar, syarat perkhidmatan, tindakan tatatertib, latihan dan pembangunan kapasiti pegawai Parlimen. Hal ini mencerminkan pendekatan tadbir urus sendiri (*self-governance*) oleh Parlimen Malaysia selaras dengan amalan terbaik parlimen-parlimen antarabangsa. Kawalan dan pentadbiran urusan kewangan terletak di bawah MPP membolehkan perancangan perbelanjaan Parlimen dibuat berdasarkan keperluan sebenar institusi, tanpa pengaruh politik atau arahan luar. MPP diketuai oleh Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan dianggotai Timbalan Yang di-Pertua serta Ahli Parlimen wakil kerajaan dan pembangkang yang akan menjamin kebebasan dan keseimbangan kuasa. Selain itu, MPP turut dianggotai oleh Setiausaha Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Negara, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Awam dan Ketua Pentadbir Parlimen sebagai *ex-officio*, bagi memastikan tadbir urus,

kawalan kewangan dan pelantikan kakitangan dilaksanakan secara teratur, berkesan dan berintegriti.

Kuasa autonomi Parlimen

Akta 869 ini memberi kuasa autonomi kepada Parlimen melantik pegawai yang pakar dalam bidang berkenaan (*best brain*) bagi memenuhi keperluan sebenar institusi seperti tenaga kerja sokongan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas, penyelidikan, perundangan, dan lain-lain. Langkah ini akan meningkatkan kecekapan dan profesionalisme perkhidmatan Parlimen bagi menyokong fungsi semak dan imbang (*check and balance*) yang lebih efektif terhadap badan Eksekutif.⁴

Daripada segi tadbir urus Parlimen, fasal awal pelaksanaan Akta Perkhidmatan Parlimen akan menggunakan sistem hybrid yang mengimbangi prinsip kebebasan Parlimen dan tadbir urus parlimen. Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan diserap ke dalam struktur baharu Perkhidmatan Parlimen yang membolehkan pegawai yang menyokong perjalanan persidangan dewan beroperasi di bawah sistem yang bebas. Manakala bahagian sokongan yang lain akan beroperasi di bawah sistem sedia ada sebagai penjawat awam dan struktur perkhidmatan awam. Pendekatan dwi-struktur ini memastikan prinsip autonomi dan kebebasan Parlimen, sambil mengekalkan kesinambungan operasi dan kecekapan pentadbiran melalui pegawai berpengalaman.

Akta 869 ialah tonggak utama reformasi Parlimen di bawah Kerajaan MADANI, menjadikan institusi perundangan ini bebas, telus, efisien dan bertanggungjawab kepada rakyat. Ia juga selaras dengan piawaian antarabangsa dalam amalan Parlimen moden yang mengutamakan integriti institusi legislatif. Keyakinan dalam sistem demokrasi di Malaysia juga akan meningkat kerana akta ini memperkukuh kedudukan Parlimen Malaysia sebagai institusi yang berwibawa, bebas dan berfungsi secara profesional, bukan sekadar simbolik. Malah Akta 869 juga akan memperkukuhkan persepsi rakyat terhadap peranan Parlimen sebagai pelindung demokrasi, pembuat dasar dan pemantau Kerajaan yang bebas dan berwibawa.

4 Bernama, 'Akta Perkhidmatan Parlimen kukuhkan demokrasi negara – Pakar' Sinar Daily (Kuala Lumpur, 2025) <https://www.sinardaily.my/article/225423/focus/national/robust-parliamentary-services-act-key-to-safeguarding-malaysias-democracy-says-expert-nbsp>.

Kesimpulan

Pelaksanaan Akta Perkhidmatan Parlimen memberikan kelebihan ketara dengan memastikan urusan pentadbiran dan pengurusan sumber manusia dapat dijalankan secara bebas, telus dan mengikut keperluan sebenar institusi tanpa campur tangan luar. Akta ini membolehkan Parlimen menetapkan keutamaan perbelanjaan, memperkukuh sistem latihan serta pembangunan profesional pegawai dan mempercepat proses membuat keputusan yang berkaitan dengan operasi harian. Selain itu, ia meningkatkan keupayaan Parlimen untuk merancang strategi jangka panjang, memperkemas tatacara kerja, dan memperkukuh peranan Parlimen sebagai badan legislatif yang efektif, berwibawa dan berintegriti tinggi.

Akta 869 ini memperkukuh fungsi Parlimen sebagai badan legislatif bebas sekaligus meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kredibiliti institusi. Usaha ini diperkukuh lagi dengan pindaan Peraturan Mesyuarat pada 23 Julai 2025, yang memasukkan proviso 80B bagi membolehkan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan kementerian (JKP), iaitu mengubah status sepuluh Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada kepada JKP. Pindaan ini memperkukuh peranan semak imbang Parlimen terhadap Eksekutif melalui JKP yang meneliti dasar dan pelaksanaan kementerian secara lebih fokus, khusus, dan berstruktur.

Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 merupakan langkah transformatif dalam memperkukuh sistem demokrasi di Malaysia. Ia memperkasa Parlimen agar berfungsi secara profesional dan bebas campur tangan eksekutif. Hasilnya, Ahli Parlimen akan menerima sokongan pegawai berkualiti untuk menjalankan fungsi legislatif dengan lebih efektif, meningkatkan mutu pengurusan dan memperkukuh kredibiliti institusi Parlimen di mata rakyat dan dunia demokrasi. Secara keseluruhan, Akta Perkhidmatan Parlimen bukan sekadar simbol tetapi satu pembaharuan institusi yang meningkatkan integriti, akauntabiliti dan kepercayaan awam terhadap Parlimen Malaysia.

Rujukan

‘Parliamentary Services Bill 2025: Straightforward solutions to make it ...’ *The Edge Malaysia* (Kuala Lumpur, 2025) <https://theedgemalaysia.com/node/746459>.

Ali Fuat Gökçe, ‘Federal Parliamentary Democracy with a Constitutional Monarchy: Malaysia’ (2013) *ResearchGate* https://www.researchgate.net/publication/267508104_Federal_Parliamentary_Democracy_With_A_Constitutional_Monarchy_Malaysia.

Bernama, 'Akta Perkhidmatan Parlimen kukuhkan demokrasi negara – Pakar' Sinar Daily (Kuala Lumpur, 2025) <https://www.sinardaily.my/article/225423/focus/national/robust-parliamentary-services-act-key-to-safeguarding-malaysias-democracy-says-expert-nbsp>.

Commonwealth Parliamentary Association, 'About CPA' Commonwealth Parliamentary Association (n.d.) <https://erskinemay.parliament.uk/section/4525/the-commonwealth-parliamentary-association/>.

Commonwealth Parliamentary Association, The Financing and Administration of Parliament (Study Group Report, Commonwealth Parliamentary Association 2005). <https://www.cpahq.org/media/awydqld2/administration-and-financing-of-parliament-study-group-report-1.pdf>

HP Lee, 'The "Three Rs" in Malaysia's Struggle for Constitutional Democracy' (2022) Federal Law Review <https://www.cambridge.org/core/journals/federal-law-review/article/three-rs-in-malaysias-struggle-for-constitutional-democracy/F39DD9858C3F7162AB82E4A90AF65DB9>.

IDEAS Malaysia, A New Dawn for the Dewan Negara? A Study of Malaysia's Second Chamber and Some Proposals for Reform (IDEAS 2021) <https://www.ideas.org.my/wp-content/uploads/2021/09/Dewan-Negara-final.pdf>

Nurul Izzah Anwar dan Nurul Jannah Mohd Jailani, 'Strengthening Malaysian Parliamentary Democracy Through Private Member's Bills' (ResearchGate, 2022) https://www.researchgate.net/publication/355315954_Strengthening_Malaysian_Parliamentary_Democracy_Through_Private_Member%27s_Bills.

Shad Saleem Faruqi, 'Reform of Parliament: Lessons from 2020–2021' (2021) ISEAS Perspective <https://www.iseas.edu.sg/articles-commentaries/iseas-perspective/2021-132-reform-of-parliament-lessons-from-2020-2021-by-shad-saleem-faruqi/>.